

24 SEP 1997

Anwar-Mahathir

ANWAR MENJADI BURUAN DI MESYUARAT BANK DUNIA-IMF

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, 24 Sept (Bernama) -- Selain Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ahli kewangan Amerika Syarikat George Soros, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan orang yang paling menjadi buruan media pada mesyuarat Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di sini.

"Saya tidak pernah memberikan temuramah sebegini banyak kepada akhbar seperti di sini," katanya kepada para wartawan Malaysia hari ini sebelum berlepas pulang selepas berada empat hari di sini menghadiri mesyuarat itu.

"Apa yang saya hendak buat sekarang ialah balik dan tidur," kata Anwar sambil menghirup kopi dalam cawan kertas di gerai kecil yang disediakan untuk delegasi Malaysia di Pusat Konvensyen dan Pameran Hong Kong yang menghadap pelabuhan itu.

Ia merupakan satu daripada 181 buah gerai sedemikian yang menandakan jumlah negara yang menghadiri pelbagai siri mesyuarat dan seminar sepanjang 10 hari acara itu diadakan yang berakhir esok.

Di gerai sempit inilah 24 orang wartawan Malaysia bersesak menghadiri persidangan berita Anwar sebelum penerbangan pulang petang ini dengan sejumlah wartawan asing dihalang daripada turut menghadirinya kerana ruang yang sempit itu.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk satu malam pada hujung minggu lepas, tidak diragui lagi merupakan orang yang paling popular di kalangan wartawan dan jurufoto.

Semasa beliau keluar dari dewan syarahan pada Sabtu selepas menyampaikan ucapan utama di seminar Bank Dunia itu, beliau diserbu jurufoto, seolah-olah seperti paparazzi, yang berebut-rebut dengan wartawan yang menjeritkan pelbagai soalan semasa beliau menuruni eskalator menuju ke keretanya.

Selain Perdana Menteri China Li Peng, yang merasmikan mesyuarat itu semalam dengan kehadirannya mencetuskan bantahan pro-demokrasi setiap hari di jalan-jalan raya Hong Kong, Dr Mahathir membuatkan para pengawal keselamatan tidak senang duduk.

Kali ini Dr Mahathir tidak mengadakan persidangan berita.

Soros menimbulkan minat yang sama di kalangan wakil media dari seluruh dunia yang berhimpit-himpit menghadiri persidangan beritanya pada Ahad untuk mendengar beliau mempertahankan dirinya daripada gelaran Dr Mahathir sebagai spekulator yang menyebabkan krisis mata wang di rantau ini.

Tetapi Anwar dengan caranya tersendiri berjaya mencuri perhatian.

Sebelum sidang berita hari ini, beliau ditemuramah oleh Cable News Network (CNN) selama 15 minit dan sebelum itu ditemubual oleh satu lagi saluran TV, CNBC.

Semalam Anwar mengadakan satu persidangan berita yang penuh sesak dihadiri wakil-wakil media dunia dan walaupun ia pada asalnya dijadualkan selama 30 minit, telah dilanjutkan selama 15 minit lagi untuk melayani sejumlah besar wartawan yang hadir.

Dalam masa di antara pertemuannya dengan menteri-menteri kewangan lain termasuk Setiausaha Kewangan Amerika Robert Rubin, Anwar akan turut "diserbu" sepanjang jalan oleh wartawan dan krew televisyen.

Selepas beliau mengadakan sidang berita semalam, Anwar turut mengalah, memberikan dua lagi temuramah secara spontan selepas beliau melangkah ke luar dari bilik itu.

Begitulah suasana kehadiran Anwar di sini yang menyebabkan beliau

berkata beliau tidak pernah memberikan begitu banyak temuramah dengan akhbar dalam jangkawaktu beberapa hari seperti yang beliau lakukan di sini.

Akhbar-akhbar dan majalah berpangkalan di Hong Kong sejak beberapa hari lepas telah menggambarkan Anwar sebagai "pemulih keadaan". Peranan yang dikatakan mereka dimainkan beliau untuk "melembutkan" kenyataan-kenyataan lantang Dr Mahathir mengenai spekulator mata wang seperti George Soros.

Satu kenyataan Dr Mahathir yang Anwar dapati "amat rumit" untuk dijawab ialah satu laporan Sunday Morning post yang memetik Perdana Menteri sebagai berkata Malaysia akan menghadkan perdagangan mata wangnya kepada membiayai perdagangan, sehari selepas beliau menyarankan supaya spekulasi mata wang diharamkan.

Anwar menjawab laporan itu dengan mengatakan bahawa tiada sebarang perubahan dalam peraturan perdagangan mata wang Malaysia.

Semasa ditanya hari ini mengenai tugasnya "memperbaiki" kenyataan bosnya, Anwar berkata beliau tidak berpendapat ia sebagai satu tindakan "memperbaiki" tetapi lebih kepada memberikan penjelasan kerana orang di sini tidak faham senario dan kedudukan politik Malaysia.

"Tidak banyak pemimpin dalam dunia membangun yang berani bercakap seperti Dr Mahathir dan oleh itu saya berpendapat terdapat keperluan untuk menghargai kebimbangan umum dan kesusahan yang dihadapi kebanyakan pihak di dunia membangun.

"Tetapi saya harus menjelaskan hakikat bahawa perdana menteri memberikan satu pendapat umum dan menyuarakan kebimbangan kebanyakan penduduk di rantau ini," katanya mengenai spekulasi berlebihan mata wang yang Dr Mahathir dalam ucapannya pada hujung minggu lepas menyifatkannya sebagai tidak perlu, tidak produktif dan langsung tidak bermoral.

Akhbar harian World Bank/IMF yang diterbitkan semasa mesyuarat itu, "Emerging Markets" hari ini menyarankan Anwar menjadi pengadil kepada "perlawanan" Mahathir-Soros.

Semalam Anwar semasa ditanya mengenai Soros yang menyifatkan dirinya sebagai scapegoat (orang yang dipersalahkan) dalam krisis mata wang Malaysia, berkata perang mulut antara Soros dan Perdana Menteri adalah sama adil dan beliau mahu meneruskan tugasnya tanpa diheret sama dalam kontroversi itu.

Semasa seorang pemberita memberitahu Anwar hari ini bahawa suasana mesyuarat Bank Dunia dan IMF itu boleh membosankan tanpa beliau, Dr Mahathir dan Soros, beliau tersenyum dan berkata: "Ya, tetapi ia amat sukar bagi saya." -- BERNAMA

AU RON